

Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarkan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke wasat@pergas.org.sg

Barisan Penyunting: Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi **Grafik / halaman web / pembantu teknikal:** Remy Mahzam, Ustazah Nurhafizah Azman

Edisi (Edition) no. 31 / Februari 2020

Kandungan

- **Dari meja penyunting...** (mukasurat 2)
- **Kesederhanaan Mengimbangi Masa Dalam Kehidupan,** oleh Ustaz Muhammad Husin Bin Masnin (mukasurat 3)
- **Masa, Amanah Dan Dunia: Renungan Tentang Usia Di Tahun Baru,** oleh Mohammad Hafiz Bin Kusairi (mukasurat 7)
- **Falsafah Tauhid Di Alam Melayu,** oleh Mohd. Jakfar Bin Embek (mukasurat 11)


Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam bentuk apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

CONNECT WITH US



<https://blog.pergas.org.sg/wasat/>



Dari meja penyunting....

Alhamdulillah, *Wasat* edisi no. 31 / Februari 2020, dengan izin Allah taala, bertemu sekali lagi dengan para pembaca dengan tiga artikel yang diharap dapat memberi manfaat.

Artikel pertama kali ini bertajuk, **Kesederhanaan Mengimbangi Masa Dalam Kehidupan**, oleh Ustaz Muhammad Husin Bin Masnin. Artikel ini membicarakan tentang kehidupan yang bersifat *wasatiyah* melalui pengurusan masa yang baik dan kefahaman yang betul pada keutamaan (*awlawiyat*) dalam kehidupan dari sudut pandangan Islam. Pembaca diberitahu bahawa mengurus masa adalah anjuran Islam dan bukan hanya satu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan semata-mata.

Artikel kedua bertajuk **Masa, Amanah Dan Dunia: Renungan Tentang Usia Di Tahun Baru**, oleh Mohammad Hafiz Bin Kusairi, juga membicarakan tentang kepentingan masa dari sudut berbeza. Artikel ini menegur sesetengah Muslim yang mengabaikan masa hingga menyebabkan pengabaian pula pada amanah dan janji sesama manusia dan dalam urusan dunia semata-mata kerana ingin melaksanakan tuntutan ibadah kepada Tuhan. Sebagai contoh ialah mereka yang datang lambat ke sekolah dan kerja di pagi hari kerana menghadiri acara-acara agama di malam hari atau sengaja ambil cuti sakit kerana untuk menghadiri acara-acara itu hingga menjejaskan hak dan

kewajibkan kepada orang lain. Hal ini bukanlah cara hidup *wasatiyah* dan ia perlu diubah atau ditinggalkan.

Artikel ketiga bertajuk **Falsafah Tauhid Di Alam Melayu**, oleh Ustaz Mohd. Jakfar Embek. Artikel ini membicarakan kewujudan tiga aliran dalam membincangkan persoalan kewujudan Allah taala dan hubungannya dengan kewujudan alam ini di alam Melayu. Tiga aliran itu ialah; 1) aliran *Wahdatul Wujud* yang banyak dipegang oleh golongan ahli falsafah dan tasawuf-falsafah, 2) *Ithnaniatul Wujud* yang juga dikenali sebagai aliran Al-Asya`irah dan Al-Maturidiyah, dan 3) aliran Salaf. Dengan erti kata lain, pemikiran falsafah tauhid di alam Melayu secara umumnya juga dapat dibahagi kepada tiga - iktikad *Wahdatul Wujud*, iktikad Ahli Kalam dan iktikad Salaf. Artikel ini juga menyingkap bagaimana kedatangan aliran *Wahdatul Wujud* ke alam Melayu, tokoh-tokohnya dan kitab-kitab mereka. Fokus diberikan pada konsep *Wahdatul Wujud* kerana ia adalah satu fahaman yang banyak terdapat dalam pelbagai ajaran yang menyeleweng. Maka memahaminya dengan baik, boleh membantu menjaga diri dari terjatuh dalam fahaman-fahaman yang tertolak di sisi agama dan untuk mencapai *wasatiyah* dalam hidup.

Selamat membaca. Bacalah dengan nama Tuhanmu....



Kesederhanaan Mengimbangi Masa Dalam Kehidupan

Oleh Ustaz Muhammad Husin Bin Masnin

“Membazir masa lebih berat daripada kematian kerana ia memisahkan kamu daripada Allah dan hari akhirat, sedangkan kematian hanya memisahkan kamu daripada kehidupan dan ahlinya.” Ibn Qayyim

Kehidupan manusia di dunia ini berbeza-beza dari segi umur, harta, kesihatan dan sebagainya, namun masa yang dianugerahkan kepada setiap manusia tidak sekali berbeza iaitu 24 jam sehari. Seringkali terdengar keluhan mengenai kekurangan atau ketiadaan masa terutama di negara yang pesat membangun yang bergaya hidup pantas dan “berkejaran”. Hal ini diburukkan lagi dengan kesukaran untuk mengimbangi masa antara pekerjaan dan kekeluargaan; antara bermuamalat sesama manusia dan beribadah kepada Allah; antara kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat, yang memberi kesan terhadap kehidupan seseorang.

Oleh itu, keupayaan untuk mengurus masa bagi mencapai keseimbangan dalam memenuhi pelbagai keperluan hidup adalah penting.

Persoalannya, bagaimanakah cara memanfaatkan setiap detik masa yang berlalu bagi mengimbangi aspek-aspek tersebut?

Di dalam buku *Al-Waqtu Fi Hayat Al-Muslim (Waktu Dalam Kehidupan Muslim)*, Syeikh Yusuf Al-Qaradhawi memberikan tiga ciri masa iaitu, 1) ia berlalu dengan pantas, 2) masa yang berlalu tidak dapat kembali dan diganti, dan 3) ia milik manusia paling berharga.

Kerana tiga ciri ini, kegagalan manusia dalam mengimbangi dan mengurus masa bagi perkara-perkara yang bermanfaat akan menyebabkannya jatuh dalam golongan orang-orang yang rugi sebagaimana firman Allah taala,

“Demi masa. Sesungguhnya manusia berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan serta saling menasihati untuk

kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran.” (Al-Asr: 1-3)

Ustaz Syed Abdillah Ahmad Al-Jufri ketika memberi penjelasan terhadap surah ini di dalam tafsirnya *Pelita Al-Quran* menulis,

“Surah yang mengandungi pengertian yang kuat ini diturunkan hanya dengan tiga ayat sahaja. Ini jelas menunjukkan mukjizat Al-Quranul-karim dalam susunan ayatnya supaya mudah diingat oleh setiap Muslim dan Muslimah. Orang-orang Islam di masa lampau menyedari betapa pentingnya surah ini.”

Namun seringkali, surah yang ringkas dan mudah diingat ini diabaikan manusia dalam menikmati masa dalam hidup sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w., “Dua nikmat yang kebanyakan manusia lalai untuk memanfaatkannya dengan sebaik mungkin adalah kesihatan dan waktu lapang.” (Riwayat Al-Bukhari)

Prof. Zaini Ujang di dalam bukunya *Pengurusan Masa: Konsep dan Penghayatan* menjelaskan bahawa kelemahan dalam memanfaatkan masa dapat menimbulkan pelbagai kesan:

- **Terhadap Individu**

Mereka yang tidak pandai mengurus dan memanfaatkan masa akan sentiasa dikenali sebagai pekerja atau individu yang tidak berkesan dan produktif.

- **Terhadap Keluarga**

Pengabaian masa menyebabkan mereka terlepas peluang untuk memajukan keluarga dari segi ekonomi, emosi dan kerohanian.

- **Terhadap Organisasi**

Anggota organisasi yang tidak pandai mengurus dan memanfaatkan masa akan menjejaskan imej dan prestasi organisasi.

- **Terhadap Negara**

Rakyat yang tidak pandai mengurus dan memanfaatkan masa akan memundurkan negara kerana tidak menggunakan tenaga kerja dan sumber secara optimum dan berkesan.

Dalam Islam, kesan dari pengabaian masa bukan hanya terhadap kehidupan di dunia, tapi juga di Akhirat. Di Akhirat nanti, ia bakal dipertanggungjawabkan dan disoal. Rasulullah s.a.w. bersabda,

“Pada hari kiamat, kaki seseorang hamba itu tidak bergerak sehingga dia ditanya tentang empat perkara: mengenai umurnya bagaimana dia habiskan, masa mudanya bagaimana dia lalui, hartanya dari mana dia dapatkan dan ke mana dia belanjakan, dan tentang ilmunya bagaimana dia amalkan.” (Riwayat Al-Turmuzi)

Masa dan keseimbangan hidup

Keperluan mencari rezeki tidak seharusnya menjadikan seorang Muslim itu lemah dalam beribadah kepada Allah taala. Seorang yang kuat beribadah kepada Allah taala pula tidak seharusnya menjadi seorang Muslim yang tidak produktif dalam pekerjaan. Ini dapat dilihat bagaimana Rasulullah s.a.w. dan para sahabat menguruskan masanya dengan baik dan mengimbangi antara kehidupan dunia dan Akhirat; mereka menjadi pemimpin, panglima, peniaga tetapi ketaatan mereka terhadap Allah taala tidak diabaikan dan mereka sibuk dengan urusan masyarakat tetapi tidak mengabaikan urusan kekeluargaan. Pelajaran boleh diambil dari kisah antara Salman r.a. dan Abu Darda' yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari.


Dari Abu Juhaifah Wahb bin Abdullah r.a. berkata: Nabi s.a.w. pernah mempersaudarakan antara Salman dan Abu Darda'. Tatkala Salman menziarahi rumah Abu Darda', ia melihat Ummu Darda' (isteri Abu Darda') dalam keadaan mengenakan pakaian yang serba kusut. Salman pun bertanya padanya, “Mengapa keadaan kamu seperti itu?” Wanita itu menjawab, “Saudaramu Abu Darda' sudah tidak mempunyai hajat lagi pada keduniaan.” Kemudian Abu Darda' datang dan ia membuatkan makanan untuk Salman. Setelah selesai Abu Darda' berkata kepada Salman, “Makanlah, kerana saya sedang berpuasa.” Salman menjawab, “Saya tidak akan makan sebelum engkau pun makan.” Maka Abu Darda' pun makan. Pada malam harinya, Abu Darda' bangun untuk mengerjakan solat malam. Salman pun berkata padanya, “Tidurlah.” Abu Darda' pun tidur

kembali. Ketika Abu Darda' bangun hendak mengerjakan solat malam, Salman berkata lagi padanya, “Tidurlah!” Hingga pada akhir malam, Salman berkata, “Bangunlah.” Lalu mereka solat bersama-sama. Setelah itu, Salman berkata kepadanya, “Sesungguhnya bagi Tuhanmu ada hak, bagi dirimu ada hak, dan bagi keluargamu juga ada hak. Maka penuhilah masing-masing hak tersebut.” Kemudian Abu Darda' mendatangi Nabi s.a.w. lalu menceritakan apa yang berlaku. Beliau s.a.w. lantas bersabda, “Salman itu benar.”

Islam tidak hanya menyuruh menumpukan sepenuh masa pada kehidupan Akhirat yang kekal dan mengabaikan kehidupan dunia yang fana atau sebaliknya menumpukan kehidupan dunia dan mengabaikan kehidupan Akhirat. Yang diperintahkan adalah kedua-duanya dalam bentuk yang seimbang.

Oleh itu, keupayaan mengatur masa amatlah perlu supaya meraih kejayaan kedua-duanya sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah taala,

“Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupakan bagianmu di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sungguh Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakan.” (Al-Qasas: 77)



Umur dan produktiviti

Umur adalah satu misteri kehidupan kerana tiada siapa yang tahu berapa lamakah umur seseorang di dunia. Namun ini tidak seharusnya menjadikan manusia mengambil ringan akan perjalanan usianya.

Hal ini diperingatkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya, “Manfaatkan lima perkara sebelum lima perkara, masa mudamu sebelum datang masa tuamu; masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu; masa kayamu sebelum datang masa kefakiranmu; masa luangmu sebelum datang masa sibukmu; masa hidupmu sebelum datang masa matimu.” (Riwayat Al-Hakim)

Dalam hal ini, Muslim harus mengambil pelajaran dari sejarah ulama silam yang mana manusia masih dapat meraih manfaat dari mereka walau pun jasadnya telah lama tiada dan tempoh usia mereka hidup tidaklah lama. Malah manfaat yang telah mereka usahakan itu membuatkan mereka seakan masih wujud dan hidup

bersama kita hingga hari ini. Sebagai contoh Imam Al-Syafi'i hidup selama 54 tahun, Imam Al-Nawawi hidup hanya 45 tahun dan Imam Al-Ghazali pula hidup hanya selama 55 tahun. Tetapi khazanah ilmu mereka yang dicurahkan kepada umat masih lagi dapat dimanfaatkan melalui kitab-kitab karangan mereka.

Sebuah buku yang baik untuk dibaca dan memberi motivasi ialah kitab *Qimat Al-Zaman 'Ind Al-Ulama'* oleh Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah. Buku ini menceritakan bagaimana para ulama dahulu memanfaatkan setiap detik masa mereka dan menghasilkan karya kitab yang tidak terbilang banyaknya untuk manfaat umat.

Antara contoh-contoh yang disebut ialah kisah Khatib Al-Baghdadi yang berjalan sambil menelaah buku, Al-Hafiz Al-Munziri yang sibuk dengan ilmu walaupun sedang makan, Ibn Jarir menulis sebanyak 40 helai setiap hari dan Imam Al-Nawawi membaca 12 mata pelajaran berserta penelitian dan hujah setiap hari.

Hal ini pasti tidak tercapai tanpa pengurusan masa yang baik yang natijahnya ialah mereka seakan masih hidup sehingga kini dengan meninggalkan karya penulisan dan ilmu yang hebat. Ibnu Atha'illah di dalam *Hikam* menyebut,

"Adakala seseorang itu diberikan umur yang panjang, tetapi sedikit sahaja hasil manfaatnya. Adakala seseorang itu diberikan umur yang pendek, tetapi banyak sekali hasil manfaatnya."

Syeikh Yusuf Al-Qaradhawi di dalam bukunya *Fiqh Al-Awlawiyyat* pula menulis, "...ada orang yang meninggal dunia sebelum dia mati. Umurnya telah habis padahal dia masih hidup. Tetapi ada orang yang dianggap masih hidup setelah dia meninggal dunia. Ini disebabkan dia meninggalkan amal-amal soleh, ilmu yang bermanfaat, keturunan yang baik, murid-murid yang dianggap dapat memanjangkan umurnya."

Kepentingan keutamaan

Sering kali kehidupan akan berlaku pertembungan antara perkara-perkara yang perlu dilaksanakan disebabkan masa yang amat terhad.

Pada ketika ini menyusun keutamaan amatlah mustahak kerana kesalhanan mengatur keutamaan akan membuatkan perkara yang perlu diselesaikan tidak tercapai. Malah, ia akan menambah kekusutan dan

masalah. Kepentingan memerhatikan keutamaan telah dihuraikan secara baik oleh Syeikh Yusuf Al-Qaradhawi di dalam bukunya *Fiqh Al-Awlawiyyat*.

Apabila gagal, kenal pasti keutamaan. Pengabaian boleh berlaku seperti pengabaian keluarga kerana terlalu memberatkan semua perkara berkaitan pekerjaan. Pilihan bijak juga perlu dibuat berdasarkan keutamaan antara pendidikan dan pekerjaan bagi menjamin masa depan yang baik bagi golongan remaja. Bagi golongan yang berumur pula, perlu mengimbangi manakah yang lebih utama antara kesihatan dan pekerjaan bagi mengelak kesukaran hidup di hari muka.

THERE ARE NO
TIME MANAGEMENT
PROBLEMS.
THERE ARE ONLY
PRIORITY MANAGEMENT
PROBLEMS.

JohnMichaelMorgan.com

Tidak dinafikan bahawa hidup di negara yang pesat membangun memerlukan masyarakat yang produktif dan bekerja keras agar tidak tenggelam di dalam arus kemodenan, namun ketidakseimbangan terhadap penumpuan masa dan memerhatikan keutamaan akan memberikan kesan yang tidak diinginkan.

Masa dan teknologi

Kehidupan manusia hari ini tidak dapat lari dari teknologi. Teknologi telah banyak membantu urusan manusia

dari segi memudahkan; mempercepatkan; memperbanyakkan; menjimatkan dan sebagainya. Malah jika sesuatu teknologi itu gagal berfungsi, ia akan memberi kesukaran dan kegenjotan dalam kehidupan. Kebergantungan manusia terhadap teknologi amat ketara sehinggakan menimbulkan tanda tanya: adakah manusia memerlukan teknologi untuk hidup atau teknologi memerlukan manusia untuk hidup?

Hal ini dapat dilihat pada hakikat bahawa masa boleh disingkatkan dan urusan boleh dipercepatkan dengan bantuan teknologi. Manusia boleh mendapat dan menyampaikan maklumat dengan pantas melalui internet. Masa perjalanan ke sesuatu tempat pula dapat disingkatkan dengan pangangkutan canggih yang pelbagai. Penghasilan produk juga dapat dipermudahkan dengan bantuan mesin-mesin yang cekap dan pantas yang jauh mengatasi upaya manusia.

Namun, mengapakah kehidupan moden yang dikerumuni oleh kemudahan teknologi membuatkan seseorang itu semakin kurang masa malah tiada masa? Tidakkah sepatutnya manusia hari ini mempunyai lebih banyak masa kerana teknologi telah banyak membantu dalam kehidupan seharian manusia. Di sinilah sekali lagi menunjukkan kepentingan pengurusan masa kerana tanpanya, teknologi yang canggih yang membantu

mengurangkan pekerjaan dan melapangkan masa manusia tetap tidak akan dapat membantu keseimbangan dalam mencapai keperluan hidup di dunia dan Akhirat. Bahkan jika Allah taala menambah lagi masa dalam kehidupan manusia ini, seperti sehari ditambah lebih dari 24, jam, seminggu lebih dari 7 hari dan setahun lebih dari 12 bulan, sekali pun, ia tidak akan bermanfaat bagi manusia jika segala tambahan itu terabai disebabkan gagal mengurus masa yang diberi.

Shaykh Hamza Yusuf, pengasas Kolej Zaytuna di Amerika Syarikat, berkata,

“Pembohongan besar oleh seseorang itu ialah bila dia berkata, “Saya tidak mempunyai masa”. Yang betul ialah, “Saya tidak menggunakan masa saya dengan bijaksana agar mempunyai masa yang mencukupi”.”

12 Most Effective Time Management Principles

- 1 Determine what is urgent
- 2 Don't over commit
- 3 Have a plan for your time
- 4 Allow time for the unexpected
- 5 Handle things once
- 6 Create realistic deadlines
- 7 Set goals for yourself and your time
- 8 Develop routines
- 9 Focus on one thing at a time
- 10 Eliminate or minimize distractions
- 11 Outsource tasks or delegate
- 12 Leave time for fun and play

Savvy smartitude



© 2014 12Most.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

By Gaby Images

By Gaby Images

iStock
By Gaby

Masa, Amanah Dan Dunia: Renungan Tentang Usia Di Tahun Baru

oleh Mohammad Hafiz Bin Kusairi

Saya pernah terbaca sebuah ungkapan di media sosial yang dalam usahanya untuk menghimbau orang ramai untuk menghadiri sebuah majlis keagamaan telah menyarankan pengambilan cuti sakit (MC) jika terikat dengan urusan kerja. Terdapat juga kenalan yang mengadu kepada saya tentang sebuah majlis yang berlangsung hingga agak lewat malam dan pengacaranya memberikan anjuran yang sama: ambil MC esok! Seorang penceramah pula ketika majlisnya berlangsung hingga lewat malam menepis kekusaran sebahagian ibu bapa yang hadir bersama anak-anak mereka tentang peperiksaan yang bakal dihadapi anak mereka keesokan harinya dengan menyuruh mereka untuk 'melupakan tentang peperiksaan' dan fokus kepada intipati majlis yang sedang dipimpinnya.

Saya menyimpulkan bahawa masih terdapat permasalahan di kalangan sebahagian daripada masyarakat kita di dalam perkara berikut:

- Menitikberatkan nilai masa
- Memenuhi komitmen terhadap urusan perjanjian, terutama dalam berurusan dengan masyarakat bukan Muslim
- Menempatkan nilai dunia pada tempatnya

Saya berharap artikel yang ringkas ini dapat meneguhkan pendirian kita untuk menjadi seorang Muslim yang mengambil berat tentang urusan masa, berpegang teguh pada janji dan menjadikan dunia sebagai batu loncatan kita ke Akhirat. Saya akan mengambil beberapa contoh daripada sirah Rasulullah s.a.w agar kita dapat melihat sendiri bagaimana Baginda menguruskan masa, perjanjian dan dunia yang kita warisi ini.

Menitikberatkan nilai masa

Tidak dapat dinafikan bahawa masa merupakan suatu yang diiktiraf kepentingannya namun tidak diberikan kepentingan yang sepatutnya di dalam perlaksanaan

harian kita. Di dalam membicarakan perihal masa, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa kepentingannya sudah sedia termaktub di dalam surah Al-Asr. Bahkan, ciri orang yang dikasihi Allah taala itu sendiri dikaitkan dengan faktor masa sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis yang berikut;

Saidina Abdullah Ibn Mas'ud r.a. berkata, "Aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w, amalan apakah yang paling Allah sukai?" Baginda menjawab, "Solat pada waktunya." (Riwayat Al-Bukhari)

Di dalam Perang Badar faktor masa memainkan peranan penting di dalam memberi kelebihan bagi tentera Rasulullah s.a.w. Ketibaan Rasulullah s.a.w di Badar pada malam 17 Ramadan telah memberi tentera beliau waktu yang cukup untuk merancang strategi yang terbaik, menguasai sumber air dan berehat, berbanding tentera Quraisy yang hanya tiba pada keesokan hari. Hakikat ini, digabungkan dengan faktor keimanan yang luar biasa, pergantungan yang utuh tentera Muslimin dengan Allah, keberanian mereka dan bantuan para malaikat telah menyebabkan kekalahan bagi tentera Musyrikin.

Sebahagian kita mungkin berpendapat bahawa lokasi Badar lebih dekat dengan kota Madinah berbanding dengan kota Mekah. Namun, kelebihan jarak itu sangat bergantung kepada kesungguhan kita untuk mencapainya kerana ramai yang masih tiba lewat di tempat kerja atau sekolah walau pun tinggal di lokasi yang berdekatan.

Sikap yang sama juga ditunjukkan oleh para sahabat r.a.. Saidina Khalid bin Walid ketika memimpin tentera Islam, amat menitikberatkan kepentingan masa di dalam menentang tentera Rom dan Parsi, walau pun tentera Islam datang dari daerah yang lebih jauh dari pihak musuh.

Dalam konteks Perang Badar yang dibicarakan, sejarah merakam bahawa tentera Quraisy dari Mekah tiba lewat kerana malam-malam sebelumnya mereka menghabiskan dengan pesta arak dan tarian. Hal ini menjadi satu contoh yang biasa berlaku di kalangan kita bahawa kegagalan untuk menepati waktu seringkali disebabkan kegagalan untuk mengenalpasti dan

memberikan keutamaan terhadap perkara yang lebih penting.

Kepentingan menepati janji di dalam berurusan sesama manusia

Kita semua maklum akan sebuah hadis yang masyhur tentang tanda-tanda orang munafik yang sangat kuat terkait dengan perkara menepati janji iaitu, “Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.” (Riwayat Al-Bukhari)

Namun, mungkin ada sebahagian kita yang mungkin merasakan bahawa perikatan janji ini hanya terkait dengan hubungan sesama Muslim sahaja dan merasakan tidak penting untuk menepati perjanjian dengan yang bukan Muslim. Sekali lagi Rasulullah s.a.w. menunjukkan betapa tinggi nilainya sebuah perjanjian yang dimeterai walaupun dengan musuh sekalipun.

Kita semua maklum bahawa Perang Uhud berkesudahan dengan kekalahan tentera Muslimin. Ketua Musyrikin, iaitu Abu Sufian Bin Harb menganggap bahawa kemenangan tentera Musyrikin di dalam

Perang Uhud sebagai penebus bagi kekalahan mereka di dalam Perang Badar. Maka beliau mencabar Rasulullah s.a.w untuk bertemu di Uhud pada tahun berikutnya untuk pertempuran penentuan. Cabaran ini disahut oleh Baginda. Perhatikan suasana ketika cabaran tersebut dibuat: ia dibuat di tengah-tengah kancah peperangan di dalam suasana yang diselubungi emosi: tentera Musyrikin yang dilambung perasaan angkuh dan puas, sedangkan tentera Muslimin yang hiba melihat keadaan Rasulullah s.a.w dan 70 sahabat yang syahid. Bahkan tiada kepastian samada cabaran Abu Sufian itu suatu janji yang benar atau sekadar hanya unjuk rasa bongkak. Selama setahun, tiada apupun susulan dari pihak Musyrikin kepada cabaran yang dibuat. Namun Baginda tetap memberikan perhatian kepada janji

yang dibuatnya ketika itu. Maka pada bulan Syaaban tahun berikutnya, Baginda bergerak ke Uhud dan berkhemah di sana selama 8 hari bagi membuktikan kesungguhannya mengotakan janjinya, sedangkan musim kemarau sedang melanda ketika itu.

Tentera Musyrikin tidak kunjung tiba dan akhirnya tentera Muslimin pulang ke Madinah sebagai suatu kuasa yang disegani: kerana bersedia untuk penuhi cabaran yang dilontarkan kepada mereka.



Seringkali kita berjanji, namun janji kita tidak ditepati kerana janji tersebut dipudarkan oleh faktor masa dan ketentuannya: ada masa kita didatangi suasana merudum yang membuat kita merasakan janji tersebut tidak penting untuk ditunaikan, ada masa kita mendapat kenikmatan mencurah sehingga kita lupa pula pada janji kita. Namun dalam insiden yang dinyatakan tadi, kita melihat Baginda yang berurusan dengan manusia yang bertanggungjawab ke atas kematian 70 orang sahabatnya dan penyiksaan jasad pakciknya, Saidina Hamzah, tidak membiarkan sentimen dan suasana menghakis kepentingan berpegang pada janji.

Pendakwah tersohor, Al-Habib Bin Abdul Rahman Al-Jifri menulis di dalam bukunya, *Humanity Before Religiosity*,

“Antara perkara teruk yang sedang kita saksikan ialah pembohongan, sama ada secara terbuka atau secara berbelit-belit (*roundabout*), yang telah seluruhnya mempengaruhi kelakuan kita, bahkan pemahaman kita tentang konsep-konsep tertentu. Namun, yang lebih teruk dari itu ialah kita berterusan membenarkannya (berbohong), mengindahkannya, meremehkannya, meng’Islamkannya’...Apabila jiwa kau membenarkan pembohongan atas dasar yang kau sedang membantu agama Allah, ia akan menyebabkan orang meragukan kebenaran agama ini walaupun engkau tidak berniat untuk

menimbulkan keraguan tersebut. Pembohongan tidak boleh menyokong kebenaran.”

Menempatkan nilai dunia pada tempatnya

Terdapat banyak hadis yang menyentuh tentang nilai dunia dan kepentingan berwaspada di dalam meniti kehidupan di dunia ini. Antara hadis yang menyentuh perkara ini ialah, “Seandainya dunia ini senilai harganya dengan sayap nyamuk di sisi Allah, pasti Allah tidak akan memberi minum barang seteguk sekalipun kepada orang kafir” (Riwayat Al-Turmuzi)

Hadis ini sering dijadikan dalil untuk menunjukkan tentang keadaan dunia yang hina dan betapa ia bukanlah tempat yang sesuai untuk orang beriman. Sememangnya sebagai orang Islam, kita memaklumi akan keadaan dunia yang penuh dengan kerosakan dan betapa Akhirat yang indah merupakan matlamat tertinggi kita. Namun, kegagalan untuk menterjemahkan secara amali pemahaman ini dengan tepat berpotensi menghasilkan umat yang berputus asa dan lemah menghadapi dunia atau pun menganggap remeh segala tanggungjawab mereka di dunia. Di sinilah kita perlu untuk melihat bagaimana Rasulullah s.a.w menanggapi dunia dan meletakkannya sebagai wadah untuk mencapai kebahagiaan di Akhirat.

Baginda bersabda, “Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jalla kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan, dilakukannya dengan tekun.” (Riwayat Al-Tabarani)

Meneliti sejarah Rasulullah s.a.w akan menemukan seorang Rasul yang meletakkan dunia sangat bersesuaian dengan tempatnya. Ia tidak dikejar sebagaimana yang dapat dilihat dalam kehidupan Baginda yang sangat sederhana. Namun fungsinya sebagai jambatan ke syurga yang indah tidak pula diabaikan.

Sememangnya setiap keputusan Rasulullah dipayungi petunjuk Allah, namun setiap petunjuk untuk Baginda adalah bahan didikan yang sangat berkesan buat diri kita;

manusia biasa. Bermula dari peristiwa hijrah dan bagaimana telitinya Baginda di dalam menentukan sang penunjuk jalan dan laluan yang patut diambil, hinggalah kepada bagaimana Baginda menyusun infrastruktur kota Madinah dari segi reka bentuk dan falsafahnya, hinggalah kepada strategi perangnya: ada masanya bertahan di medan seperti di Badar, ada masanya bertahan di kota

Madinah seperti dalam Perang Khandaq, ada masanya agresif seperti di dalam Perang Hunain, hinggalah kepada hikmah dan berpandangan jauh di dalam mengemudi sebuah rundingan berat sebelah dengan musuh-musuhnya di Hudaibiyah.

Perhatikanlah isi kandungan surat Baginda kepada raja-raja dan pembesar-pembesar dunia: bermula dari susunan kata, pengisiannya yang menampakkan kepekaan tentang latar belakang dan konteks penerima surat dan cap mohor yang menampakkan penerimaan terhadap norma antarabangsa: Adakah tanggapan dan sikap kita terhadap dunia selama ini mengambil pedoman

daripada insan yang mengambil pedoman langsung dari Tuhannya? Atau kita lebih selesa melihat dunia sebagai tempat yang terlalu keji sehinggakan kita sendiri merasakan jijik untuk berfungsi dengan penuh amanah di dalamnya. Jika demikian, bagaimanakah kita akan menyerasikan pemahaman kita tentang dunia ini dengan tujuan Allah menghadirkan kita di bumi?

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”.” (Al-Baqarah: 30)

Di dalam nasihatnya kepada masyarakat Islam yang hidup di dalam kawasan metropolis, Shaykh Hamzah Yusuf menulis di dalam bukunya yang bertajuk *Agenda to Change Our Condition*,

“Sebagai Muslim, penglibatan kita di dalam kehidupan kota-kota tempat tinggal kita sepatutnya juga meninggalkan kesan yang berpanjangan dan positif ke atasnya (kota-kota). Semestinya, kita mempunyai banyak yang boleh disumbangkan dalam aspek ini. Allah tidak

© Randy Glasbergen / glasbergen.com



“My smartphone helps me be a lot more productive. Especially when I turn it off.”

meletakkan kita dengan bilangan yang signifikan di dalam dan sekitar kota-kota Amerika. Sekaranglah masanya untuk memulakan penglibatan yang membina di dalam kehidupan kota-kota ini.”

Bahkan, seandainya kita boleh lebih menghargai dan menerapkan cara Rasulullah menanggapi dunia, kita akan mendapati bahawa ia juga akan mempengaruhi cara kita menghargai waktu dan janji. Kita akan melihat dunia sebagai suatu peluang dan potensi, bukan sesuatu realiti yang terputus daripada kebahagiaan Akhirat. Kita melihat pekerjaan kita sebagai suatu ruang untuk bertekun dan bersabar dan urusan kita dengan teman kerja sebagai peluang berdakwah. Maka seandainya kita terhalang daripada menghadiri suatu majlis keagamaan kerana ada tanggungjawab yang memerlukan kehadiran kita di tempat kerja, ambillah perspektif bahawa pahala kita buat masa itu akan terhasil di pejabat dan bukan di masjid.

Sememangnya, pembahagian masa yang paling optima ialah bilamana urusan kerja mahupun sekolah kita tidak menghalangi peluang kita untuk menghadiri majlis-majlis yang meningkatkan penghargaan kita tentang agama. Begitulah sebaliknya.

Seringkali hakikat ini tidak dapat dicapai disebabkan kegagalan kita menghargai nilai waktu ataupun tidak melihat bahawa ruangan lain juga mempunyai sumbangan buat saham Akhirat kita. Sebagai contoh, tentu sekali ceramah kita mempunyai faedah yang besar buat yang mendengarkannya. Namun jika kita menyedari bahawa seorang anak di bangku sekolah dan orang tuanya juga mampu beroleh faedah dengan rehat agar dapat berfungsi dengan sebaiknya untuk pekerjaan dan peperiksaan keesokan harinya, kita akan mengakhiri ceramah kita pada waktu yang munasabah untuk mereka berehat agar semua ruang potensi: pada ceramah, rehat dan pekerjaan dapat dipenuhi. Bahkan isi ceramah kita akan rajin menggalakkan sifat positif dan bertenaga di

dalam bercucuk tanam di dalam ladang dunia agar mendapat manfaatnya di Akhirat.


Semoga tahun baru ini menjadikan kita insan yang melihat potensi masa; bukan sahaja buat diri kita tetapi juga untuk orang di sekeliling kita. Penghargaan ini akan menjadikan kita lebih amanah dalam menunaikan setiap tuntutan kita kerana setiap ruang waktu ada amanahnya yang wajib kita sempurnakan. Dan ini semua tidak akan tercapai melainkan kita menyedari bahawa dunia ini adalah suatu ruang potensi yang jika dimanfaatkan akan membawa kita kepada suatu realiti yang lebih kekal dan indah bernama syurga.

Al-Habib Bin Abdul Rahman Al-Jifri berkata, “Kebijaksanaan dan pengertian yang mendalam yang dimiliki seorang hamba bermakna bahawa pengetahuannya tentang hukum alam dibatasi oleh nilai moralnya. Keseimbangan (yang diperlukan untuk melestarikan kehidupan yang bermanfaat – pent.) tidak digugat, dan hamba tersebut tidak akan melampaui batas ataupun tergelincir.”

Allah taala pula berfirman:

“Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia". (orang-orang ini diberikan kebaikan

di dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di Akhirat. Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di Akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".” (Al-Baqarah: 200-1)



A MAP OF THE COUNTRYS WHEREIN THE MALAYO LANGUAGE IS SPOKEN.



Falsafah Tauhid Di Alam Melayu¹

oleh Ustaz Mohd Jakfar Bin Embek

Pengenalan

Artikel ini membicarakan kehadiran tiga aliran di alam Melayu dalam membincangkan persoalan kewujudan Allah taala dan hubungannya dengan kewujudan alam ini. Tiga aliran itu ialah, 1) aliran/iktikad *Wahdatul Wujud* yang banyak dipegang oleh golongan ahli falsafah dan tasawuf-falsafah, 2) aliran/iktikad *Ithnaniatul Wujud* yang juga dikenali sebagai aliran Al-Asya'irah dan Al-Maturidiyah atau iktikad Ahli Kalam, dan 3) aliran/iktikad Salaf.

Artikel ini juga menyingkap bagaimana kedatangan aliran *Wahdatul Wujud* ke alam Melayu, tokoh-tokohnya dan kitab-kitab mereka.

Iktikad *Wahdatul Wujud*

Dalam pemikiran ini, pada asasnya menerima hakikat bahawa hakikat wujud hanyalah Allah semata. Dia adalah segala-segalanya. Selain daripada Allah pada lahirnya wujud, tetapi pada hakikatnya tiada wujud, kerana semuanya itu bayangan bagi jelmaan (*tajalli*)

kewujudan Allah semata. *Tajalli* Allah itu bertapis-lapis dan kesemuanya ada tujuh lapisan atau tujuh martabat. Namun demikian walaupun tujuh martabat tetapi pada hakikatnya hanya satu yang digelar sebagai *Wahdatul Wujud*.

Fahaman iktikad seperti ini banyak dikupas dalam kitab-kitab Tasawuf seperti karya Hamzah Fansuri, Syamsudin Sumatrani, Abdul Samad Al-Falimbani, Mohamed Nafis Al-Banjari dan di kalangan cendekiawan Iran, Sayyed Hossein Nasr.

Dari segi asal-usul, ajaran Martabat Tujuh berkait rapat dengan Teori Penjelmaan (*Tajalli*) menurut Ibn Arabi. Bagi Ibn Arabi, Allah sebagai wujud yang mutlak menjelma (*Tajalli*) atau turun (*Tanazul*) melalui lima tahap atau martabat, iaitu:²

1. *Al-Wahidiyyah*
2. *Al-Asma' wal Sifat*
3. *Al-A'yan Al-Tsabitah*
4. *Al-A'yan Al-Kharijiyyah*
5. *Alam Al-Syahadah*

Kemudian fahaman ini diolah semula oleh Abd Karim Al-Jili yang membahagikan pula kepada empat puluh,

dan kemudian apabila sampai kepada Muhammad ibn Fadhlullah Al-Burhanpuri (w. 620), beliau menyusun sistem *Tajallinya* menjadi tujuh martabat berikut;³

1. Martabat *Ahadiyyah*, atau dinamakan peringkat *La-Ta`yun* (belum nyata lagi ketuhanannya)
2. Martabat *Wahdah*, atau dinamakan juga peringkat *Ta`yun Awwal* (kenyataan pertama). Juga di sebut Hakikat Muhammadiyah atau Nur Muhammad yang menjadi sebab terjadinya segala mawjud.
3. Martabat *Wahidiyah*, atau peringkat *Ta`yun Thani*, yakni kenyataan kedua, atau disebut juga peringkat *A`yan Thabitah* atau realiti yang masih tetap dan terpendam.
4. Martabat *Alam Arwah*, di mana *A`yan Thabitah* itu menjadi *A`yan Kharajah*, yakni sudah keluar dan nyata.
5. Martabat *Alam Mithal*.
6. Martabat *Alam Ajsam*.
7. Martabat *Alam Insan*.

Kemuncak dalam fahaman ini, segala-gala yang ada di dunia ini, pada hakikatnya adalah tiada, iaitu fana' atau lebur, begitu juga tindakan manusia pada hakikatnya adalah dilakukan oleh Allah, kerana manusia juga fana' dan bersatu dengan Allah. Persoalannya jika demikian, kepada siapakah diletakkan hukum taklifi dan nilai moral, dan bagaimana pula dengan hukum balasan Allah dan soalan *Yaumul Hisab*. Bukankah itu semua atas apa yang zahir di dunia ini?

Allah berfirman,

"Maka apakah Tuhan yang menjaga setiap jiwa terhadap apa yang diperbuatnya (sama dengan yang lain)? Mereka menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah. Katakanlah, "Sebutkanlah sifat-sifat mereka itu." Atau

apakah kamu hendak memberitahukan kepada Allah apa yang tidak diketahui-Nya di bumi, atau (mengatakan tentang hal itu) sekedar perkataan pada lahirnya saja. Sebenarnya bagi orang kafir, tipu daya mereka itu dijadikan terasa indah, dan mereka dihalangi dari jalan (yang benar). Dan barangsiapa disesatkan Allah, maka tidak ada seorang pun yang memberi petunjuk baginya." (Al-Ra`d: 33)

Dalam ayat diatas jelas bahawa setiap tindakan makhluk akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah taala dan kewujudanNya itu kekal dan tidak ada persamaan sesuatupun dengannya (*Al-Baqa' Wa Al-Mukhalafah Li Al-Hawadith*).


Iktikad *Ithnaniatul Wujud*

Iktikad Ahli Kalam⁴

Kelahiran aliran *Al-Ashari'ah* dan *Al-Maturidiyah* dalam Ilmu Kalam, khususnya dalam masalah sifat, merupakan satu usaha daripada tokoh-tokoh ulama untuk mencari satu jalan tengah daripada pertentangan pendapat yang berlaku pada masa itu; iaitu antara golongan *Sifatiyah* yang keterlaluan dalam mengisbatkan sifat Allah hingga sampai menyerupakan Allah

dengan makhluk (*Mushabbihah*) di satu pihak dan golongan *Mu`atillah*, iaitu golongan yang menafikan sifat Allah, yang terdiri daripada golongan Muktazilah dan yang sependapat dengannya.

Pelopop bagi iktikad ini adalah Imam Abu Al-Hassan Al-Ash`ari (260 - 360 H) dan Imam Abu Mansur Al-Maturidi (333 H). Aliran ini timbul bermula dari ketidaksetujuan Imam Al-Ash`ari dengan gurunya Abu Ali Al-Jubba'i, seorang tokoh Muktazilah. Beliau menolak pendapat yang dikemukakan oleh aliran Jahmiyyah dan Muktazilah yang menafikan sifat-sifat Allah dengan berpandukan ayat-ayat Al-Quran. Dengan menggunakan kaedah qiyas, iaitu wujud yang dapat dilihat dengan wujud yang tidak dapat dilihat,



umpamanya wujudnya alam nyata ini, semestinya menunjukkan pencipta alam, yang bersifat *Qadir*, *Alim* dan *Murid*. Beliau juga berpendapat bahawa nama-nama Allah adalah menunjukkan sifat-sifatNya.

Mengenai hakikat wujud alam, pada dasarnya mereka sependapat dengan iktikad Salaf bahawa hakikat kewujudan ada dua, wujudnya Allah dan wujudnya selain Allah. Maka iktikad dua wujud ini, digelar dengan *Ithnaniatul Wujud*, yang bertentangan dengan fahaman *Wahdatul Wujud*, sebagaimana di atas.

Iktikad Salaf^s

Perkataan “Salaf” biasanya ditujukan kepada generasi dahulu umat Islam, yang terdiri daripada Sahabat, Tabi`in dan Tabi` Tabi`in. Sebagai generasi pertama umat Islam yang paling hampir dan malah hidup bersama-sama dengan sumber Al-Quran dan Al-Sunnah, maka ciri utama golongan ini ialah ketaatan yang jitu dan tidak berbelah bagi kepada kedua-dua sumber ini. Adapun pemikiran atau pendapat daripada sumber-sumber yang lain, baik yang berasal daripada tradisi ataupun daripada pengaruh asing, semuanya itu ditapis dahulu dengan neraca Al-Quran dan Al-Sunnah sebelum ia diterima ataupun ditolak.

Ibarat kata Dr Muhammad Yusuf Al-Qaradawi, sebaik-baiknya kita menurut kaum Salaf saja, dalam masalah keTuhanan, iaitu menerangkan sifat-sifatNya menurut keterangan Allah sendiri, tanpa mengada-ada, menambah atau mengurang.

Dalam bentuknya yang tegas, *Aqidah Salafiyah* menekankan kepercayaan kepada keesaan Allah baik dari segi *Rububiyah* maupun *Uluhiyah*. Mempercayai Allah sahaja sebagai Pencipta dan Penguasa yang sebenarnya bagi seluruh alam semesta ini (*Rububiyah*) dan menyembah Allah s.w.t, semata-

mata, tanpa menyengutkannya dengan yang lain (*Uluhiyah*). Sebarang penyengutuan terhadapnya dianggap syirik, yang merupakan dosa yang tidak diampunkan sama sekali.

Bertolak dari di atas, maka semua bentuk kepercayaan kepada kuasa-kuasa yang bercorak animisme seperti hantu, semangat dan lain-lain adalah syirik dan menyeleweng. Kemudian dari segi *Rububiyah*, maka doktrin *Wahdatul Wujud*, dan implikasinya mengenai konsep emanasi yang menafikan penciptaan dari ketiadaan adalah


menyeleweng, dan disebut sebagai *Syirik Ta`thil*, iaitu menidakkan Allah sebagai Tuhan *Rabbul `Alamin*.

Mengenai hakikat wujud, ia serupa dengan iktikad Ahli Kalam, bahawa ada dua hakikat wujud yang berbeza; hakikat Allah, sebagai pencipta yang *tanzih*(*transcendent*) dari segala-galanya yang selain dari Allah.

Akidah Salaf menetapkan apa yang *diitsbatkan* oleh Allah untuk diriNya atau apa yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w, tanpa *tamtsil* (mempersamakan dengan makhluk), dan tanpa *takyif* (menanyakan bagaimana sifat Allah).

Juga menafikan (apa yang ditolak oleh Allah daripada dirinya dan yang ditolak oleh Rasulullah), tanpa *tahrif* (mengubah lafaz atau menyelewengkan makna sifat Allah) dan tanpa *ta`thil* (mengkikari seluruh atau sebahagian sifatnya), kerana Allah taala berfirman, “Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (Al-Syua`ra: 11)

Pertentangan Antara Golongan Yang Pro-Doktrin *Wahdatul Wujud* (Martabat Tujuh) dan *Ithnaniatul Wujud*



Dari segi sejarah, kerajaan Muslim pertama di alam Melayu ialah sebuah kerajaan Syiah, yang ditubuhkan di Perlak, Sumatera, pada tahun 840M. Demikian juga dari segi alirannya, pengaruh Syiah adalah lebih menonjol⁶.

Menurut Professor Sayyed Hossein Nasr, orang-orang Parsi telah mengintegrasikan berbagai unsur dari masa lampau sejarah mereka sebelum kedatangan Islam ke dalam perspektif universal Islam. Menurut beliau selanjutnya, Farsi adalah satu negeri di mana Sufisme, dimensi Islam yang esoterik dan mistik, berkembang dengan pesat dan mengagumkan. Semangat Sufisme telah meninggalkan bekas yang tidak dapat dilenyapkan di dalam pelbagai bidang kehidupan orang-orang Parsi, iaitu doktrin Cahaya Yang Qadim yang berasaskan ajaran Farsi Kuno dan Zoroastrianisme. Dengan kedatangan pengaruh Islam, doktrin inilah yang disebut sebagai cahaya Nur Muhammad. Sayyid Sabiq dalam bukunya *Aqidah Islam*, menyatakan kepercayaan ini bertentangan dengan iktikad Sunni, kerana doktrin Nur Muhammad itu merupakan ajaran yang berdasarkan hadis-hadis palsu dan lemah.⁷


Antara nas yang disebut sebagai hadis oleh kelompok yang mengiakan doktrin Nur Muhammad adalah hadis riwayat Abdul Razzaq yang meriwayatkan dengan sanadnya daripada Jabir bin Abdullah Al-Ansari berkata: "Aku bertanya: Wahai Rasulullah! Demi bapaku, engkau dan emakku. Khabarkan kepadaku mengenai sesuatu yang paling awal dijadikan oleh Allah sebelum sesuatu yang lain. Baginda menjawab: Wahai Jabir! Bahawasanya Allah taala telah menjadikan sebelum sesuatu yang lain ialah nur Nabi engkau dari nurNya...."

Ibn Kathir menyatakan, dalam kitab *Al-Bidayah Wa Al-Nihayah*, hadis tersebut adalah "hadis yang amat Gharib..."⁸

Para pengkaji hadis berkaitan Nur Muhammad seperti Budah@Odah bin Muhsin menyatakan bahawa dari sudut uslub, hadisnya lemah dan janggal jika dinisbahkan dengan Nabi Muhammad s.a.w. Beliau berpendapat bahawa hanya hadis-hadis yang bertaraf Mutawatir (yang diriwayatkan ramai) wajar dijadikan

asas dalam persoalan akidah atau jika hadis itu bertaraf Ahad, hendaklah ia Sahih. Tambahan pula perawi bernama Abdul Razak dipercayai bermazhab Syiah di sudut akidah.⁹

Doktrin Syiah ini mula bertapak di Pasai pada tahun 1177, dengan kedatangan Syeikh Abdullah Ariff dari Tanah Arab dan Abdul Khair ibn Hajar. Mereka berdua telah menyebarkan doktrin tersebut melalui kitabnya *Bahr Al-Luhut* dan *Saif Al-Qati*, yang sarat dengan kefahaman *Wahdatul Wujud* dan hakikat Nur Muhammad. Fahaman ini hampir sama dengan fahaman *pantheisme* (serba dewa) dalam doktrin Hindu dan Buddha.



Selepas itu muncul pula di kalangan tokoh-tokoh tempatan, Hamzah Fansuri dan muridnya Shamsudin Al-Sumatrani. Kecenderungan kepada fahaman sedemikian, telah dikupas dengan detail dalam karya, *Nur Al-Haqaiq* (Cahaya Hakikat), atau *Anwar Al-Daqaiq Fi Kasyf Al-Haqaiq* (Cahaya-Cahaya Yang Seni Pada Menyatakan Pembukaan Hakikat).

Pada zaman mereka berdualah maka tampil dua ulama terkemuka Syeikh Nuruddin Al-Raniry dan Syeikh Abdur Rauf Syiah Kuala, yang menentang hebat doktrin *Wahdatul Wujud*. Kedua-dua Syeikh tersebut menolak fahaman *Wahdatul Wujud* dan mengemukakan doktrin *Wahdatul Syuhud*, bererti

kesaksian bahawa adanya alam Qadim, kerana adanya Allah semesta.

Almarhum Prof. Dr. A. Hasymy, seorang ulama Aceh, berkata bahawa *Wahdatul Wujud* sebagai ajaran tentang falsafat, ketuhanan memang sukar difahami oleh orang awam, dan ia seharusnya menjadi khusus untuk mereka yang berilmu luas.

Dalam zaman Syeikh Hamzah dan Shamsuddin masih hidup, ia masih murni dan terkawal di atas garisnya tersendiri, tetapi fahamannya mula di

terkemuka memperkukuhkan doktrin ajaran *Tajalli*, Nur Muhammad dan Martabat Tujuh adalah Muhammad Nafis Al-Banjari, melalui kitabnya *Al-Dur Al-Nafis*. Seterusnya pengaruh ini disebarkan oleh seorang tokoh Tasawuf Sunni, Abdul Samad Al-Falimbani. Beliau berasal dari Palembang dan menetap di Hijaz, dan terkenal di alam Melayu melalui kitabnya *Siyar Al-Salikin* dan *Hidayat Al-Salikin*. Walaupun ia berdasarkan kepada karya Imam Al-Ghazali, tetapi ia masih tidak dapat melepaskan dirinya dari kekalutan fahaman *Wahdatul Wujud*¹⁰.

Sebenarnya banyak lagi kitab-kitab lama yang membicarakan perkara yang sukar dan perkara yang ghaib, seperti *Kasyf Al-Asrar*, *Al-Insan Al-Kamil*, *Al-Futuhat Al-Makkiyah* dan *Rahasia Mutiara*, yang mana jika tidak diawasi dan dipelajari melalui guru yang diakui ilmunya, akan terjadi kekeliruan dalam pentafsiran.

Permasalahannya dalam Tasawuf adalah, perbincangan mengenai kefahaman akidah yang bertolak dari rasa *dzauq* (perasaan mendalam atau pengalaman segera) bertentangan dengan ulama Usuluddin, iaitu ia adalah sesuatu yang mesti dilafazkan dengan kezahiran yang jelas, tanpa ada *tasybih* dan takwil. Para pengamal Tasawuf (Sufi) mengistilahkan tauhid mereka sebagai *Tauhid Al-Khassah*. Dalam hal ini Imam Al-Ghazali menyimpulkan bahawa kaum Sufi banyak menggunakan *qalb*(hati) dan sedikit akal. Jadi bagi mereka Tauhid adalah suatu penghayatan yang alami dan bukan suatu konsep yang tanggapi.

Namun, dalam masalah kefahaman *Wahdatul Wujud* di atas, seorang ulama Sufi dan Mujaddid dari India, Syeikh Ahmad Sirhindi, menyatakan:

“bahawa para Rasul tidak pernah menganjurkan *Wahdatul Wujud* (kesatuan zat), malah apa yang dianjurkan adalah *Wahdatul Al-Ma'bud* (kesatuan Tuhan); dan tidak pernah ada kebenaran *Wahdatul Wujud* di dalam Al-Quran dan Sunnah .”

Seterusnya beliau menyanggah dengan berkata:



“Everything in the universe is within you. Ask all from yourself.”

Rumi

EVERYDAY POWER

selewangkan oleh para pengikut setelah mereka berdua wafat. Kekalutan yang berlaku semakin lama semakin jauh menyimpang, berubah menjadi kumpulan tarikat yang sesat yang dalam masyarakat Aceh yang disebut sebagai “Salik Buta” atau pengembara buta. Tidak mustahil dalam masa itu, kefahaman kebatinan *kejawan* mula meresap dan bercampur sehati.

Selepas abad Aceh, fahaman sedemikian berkembang melalui peranan ulama Palembang, Banjar, Pattani dan lain-lain. Antara tokoh yang

"*Wahdatul Wujud* merupakan perkembangan baru dalam sejarah Sufisme. Kerana tidak ada seorang pun sebelum Ibn Arabi membicarakan hal tersebut. Tauhid yang biasa

dibicarakan selama dua ratus tahun sebelum Ibnu Arabi sebenarnya adalah *tauhid syuhudi* dan bukan *tauhid wujud*."

¹Artikel ini diterbitkan kali pertama di dalam buku *Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura* (2001), terbitan Muis dan Perdaus. Terdapat sedikit penambahan baru oleh penulis dan diterbitkan semula setelah suntingan dengan izin penulis.

²Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (1995), *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejarah Tauhid Melayu*, Petaling Jaya: Access Infotech, ms 35-6. Lihat juga Syed Mohamad Naquib Al-Attas (1985), *Islam, Secularism and the Philosophy of the Future*, London: Mansell Publishing, ms. 217; Dr Muhammad Abdul Haq Ansari (1986), *Sufism & Syari'ah*, London: The Islamic Foundation, ms. 103; Dr. Ahmad Daudy (1983), *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syekh Nuruddin Ar-Raniry*, Jakarta: CV Rajawali, ms. 74-6; S.A.Q Husaini (1979), *The Pantheistic Monism of Ibn Al-Arabi*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, ms. 58-9.

³Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (1995), ms. 36-7. Lihat juga A.H Johns (1965), *The Gift Addressed to the Spirit of the Prophet*, Canberra: The Australian National University.

⁴Lihat K.H Sirajuddin Abbas (1987), *I'tiqad Ahlussunnah Wal-jemaah*, Kota Bahru: Pustaka Aman Press, ms. 30-5.

⁵Lihat Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (1995), ms. 112 – 130.

⁶Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (1995), ms.44. Lihat A. Hasjmy (1983), *Syri'ah dan Ahlussunnah Saling Rebut Kekuasaan Sejak Awal Islam di Kepulauan Nusantara*, Surabaya: PT Bina Ilmu dan N.A Baloch (1980), *Advent of Islam in Indonesia*, Islamabad: Institute of Culture, ms. 17.

⁷Lihat Ibid, ms 44-5; Seyyed Hossein Nasr (1983), *Islam dan Nestapa Manusia Moden*, Bandung: Penerbit, Pustaka, ms 162-3; Duncan Greenless (ed) (1978), *The Gospel of Zarathustra*, Madras: The Theosophical Publishing House, ms. 69-70.

⁸Ibn Kathir (1981/1401), *Al-Bidayah Wa Al-Nihayah*, jil. 14, Berirut: Maktabah Al-Ma'rifah, jld. 14.

⁹Udah bin Mohsin (1997), "Nur Muhammad: Satu Kajian Mengenai Kesahihan Hadith-hadithnya", *al-Maw'izah*, UKM, jld. 5, Jun.

¹⁰Lihat Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (1995), ms .53.

